



Tabung Bantuan Mangsa Banjir NSTP

Sektor korporat terus menderma

KUALA LUMPUR: Jumlah kutipan Tabung Bantuan Mangsa Banjir kelolaan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) terus meningkat kepada RM8,018,866.54 semalam, selepas pelbagai pihak memberi sumbangan kepada mangsa bencana alam itu.

Semalam saja, NSTP menerima RM54,370 untuk dimasukkan di dalam tabung berkenaan yang dilancarkan sejak 23 Disember lalu.

Antara penyumbang yang menghulurkan sumbangan itu semalam ialah syarikat Sinclair Knight Merz Sdn Bhd bernilai RM5,070; DSC (RM5,000); OKU Tech Sdn Bhd (RM3,000) dan Skrine Advocate and Silicitors (RM2,000).

Sumbangan boleh dibuat menerusi cek, draf bank atau kiriman pos dan dialamatkan ke ibu pejabat NSTP di Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100, Kuala Lumpur atau menghubungi mana-mana cawangan negeri.

Cek hendaklah ditulis atas nama The New Straits Times Press (M) Bhd dan di belakang cek ditulis Tabung Bantuan Mangsa Banjir NSTP serta nama, alamat dan nombor telefon penyumbang.